From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: GEN Z TERUJA, AKUAPONIK PINTAR STML UUM JADI TARIKAN DI NICE 2026
Date: Wednesday, 9 September, 2026 10:50:21 AM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

9 SEPTEMBER 2026 / 27 RABIULAWAL 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Dr. Yuhainis binti Mohd Yusoff

GEN Z TERUJA, AKUAPONIK PINTAR STML UUM JADI TARIKAN DI NICE 2026



UUM ONLINE: Kuala Lumpur, 28 Ogos 2026 – Siapa sangka teknologi akuaponik mampu mencuri perhatian Generasi Z? Itulah antara fenomena menarik yang dapat dilihat sepanjang penyertaan dalam Innovation and Commercialisation Expo (NICE) 2026, apabila golongan remaja dan belia tidak putus-putus mengunjungi reruai yang mengetengahkan sistem akuaponik pintar.

Berlangsung dari 26 hingga 28 Ogos 2026 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), NICE 2026 menjadi platform untuk memperkenalkan inovasi tempatan kepada masyarakat, termasuk teknologi akuaponik yang menggabungkan elemen Internet of Things (IoT) dalam usaha mendepani cabaran perubahan iklim dan keselamatan makanan.

Sepanjang tiga hari pameran, sistem akuaponik berkenaan menerima kunjungan menggalakkan daripada golongan muda. Menariknya, sebahagian besar pengunjung mengakui bahawa mereka merupakan antara yang pertama kali melihat sendiri sistem akuaponik secara dekat dan nyata teruja apabila mengetahui teknologi tersebut boleh diaplikasikan di rumah.



Ketua Penyelidik, Prof. Madya Dr. Mohammad Farizal bin Rajemi, berkata minat yang ditunjukkan golongan muda membuktikan bahawa teknologi pertanian pintar mempunyai potensi besar untuk diterima oleh generasi baharu.

Menurut beliau, walaupun konsep akuaponik telah diperkenalkan dalam silibus sekolah menengah, pengalaman melihat sendiri sistem tersebut, khususnya yang dilengkapi teknologi IoT, memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada pelajar tentang aplikasi sebenar teknologi berkenaan.

“Walaupun sistem akuaponik telah diperkenalkan dalam silibus sekolah menengah, pelajar tidak semestinya berpeluang melihat bagaimana sistem ini, ditambah dengan teknologi IoT, dapat membantu kita mendepani isu perubahan iklim dan keselamatan makanan pada masa akan datang,” katanya.

Beliau turut yakin kecenderungan Gen Z terhadap teknologi pintar dan IoT dapat menjadi pemangkin kepada penerimaan teknologi akuaponik pada masa hadapan.

“Apabila golongan remaja dan belia sudah mempunyai minat terhadap IoT, ia akan memudahkan penerimaan sistem akuaponik pintar ini. Kita bukan sahaja memperkenalkan teknologi, tetapi turut membina kesedaran generasi muda terhadap kepentingan kelestarian dan keselamatan makanan,” jelasnya.

NICE 2026 turut menghimpunkan penyertaan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan, universiti awam dan swasta serta syarikat dari dalam dan luar negara.

Seramai 180 pempamer mengambil bahagian dalam pameran tersebut yang berjaya menarik kira-kira 8,000 pengunjung sepanjang tiga hari penganjuran.



Sambutan menggalakkan itu bukan sahaja memberi peluang kepada para pempamer memperkenalkan produk dan inovasi masing-masing, malah membuka ruang kepada pereka dan inovator tempatan untuk meneroka peluang kolaborasi serta menjalinkan hubungan dengan pelabur yang hadir.

Penyertaan dalam NICE 2026 sekali gus memperlihatkan bahawa akuaponik bukan lagi sekadar teknologi pertanian, tetapi berpotensi menjadi sebahagian daripada gaya hidup pintar generasi masa hadapan.

Minat yang ditunjukkan Gen Z terhadap akuaponik pintar juga memberi isyarat positif bahawa gabungan teknologi, inovasi dan kelestarian mampu menjadi pendekatan baharu dalam membentuk generasi yang lebih bersedia menghadapi cabaran keselamatan makanan pada masa hadapan.

ZMS/JKK/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.